

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Sunday, June 3, 2018 12:53 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin
Subject: MAJLIS TAUTAN KASIH DAN IFTAR JAMA'IE BERSAMA PELAJAR-PELAJAR MOBILITI UUM CASS



**Pejabat Pembangunan
Pelajar dan Alumni**

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE

Universiti Utara Malaysia

3 JUN 2018 / 18 RAMADHAN 1439H

=====

"UUM:UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

MAJLIS TAUTAN KASIH DAN IFTAR JAMA'IE (BERBUKA PUASA) BERSAMA PELAJAR-PELAJAR MOBILITI UUM CAS

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA UUM CAS) telah menganjurkan Majlis Tautan Kasih dan Iftar Jama'ie (berbuka Puasa) bersama pelajar-pelajar mobiliti UUM CAS pada 24 Mei 2018. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan antara pelajar dari pelbagai kaum, budaya dan negara di samping mengimarahkan ibadah berbuka puasa bersama staf-staf PPA UUM CAS dan penyampaian sijil program mobiliti serta sijil-sijil penglibatan mereka dalam program-program yang telah dianjurkan oleh PPA UUM CAS.



Majlis ini telah dihadiri oleh seramai 65 orang daripada 91 orang pelajar mobiliti dari universiti-universiti tempatan, negara China, Brunei, Jepun dan Indonesia. Turut hadir

semasa majlis berbuka puasa ini adalah Dekan, Timbalan Dekan, penyelarar-penyelarar praktikum, Rakan PPA UUM CAS dan staf-staf PPA UUM CAS yang lain. Majlis yang diadakan secara 'port-luck' ini, semua makanan dibawa oleh setiap staf PPA CAS dan dihidangkan secara bergotong royong bersama para pelajar dan Rakan PPA UUM CAS. Secara tidak langsung majlis ini dapat mengeratkan ukhuwah antara para pelajar dan juga staf-staf PPA UUM CAS UUM.



Sebelum mereka berbuka puasa dan menikmati juadah, mereka terlebih dahulu mendengar taklimat dari Dekan PPA UUM CAS, Dr. Massudi Mahmuddin. Dekan PPA UUM CAS sangat berbesar hati menerima kehadiran semua pelajar ini. Beliau berharap para pelajar ini dapat memperoleh pengalaman baharu ketika menjalani kuliah selama satu semester di UUM dan dapat mempraktikkan apa yang mereka pelajari di sini semasa pulang ke negara masing-masing kelak.

Menurut salah seorang pelajar mobiliti dari Ningxia University, China, Zhou Beijia, beliau sangat gembira dapat menyertai majlis ini bersama-sama rakan-rakan pelbagai bangsa, dan mengatakan juadah ini walaupun sedikit pedas, namun sangat enak dan ini merupakan kali pertama beliau menyertai program berbuka puasa seperti ini.

Manakala bagi Mega Surya Eka Putri dari Universitas Airlangga, Indonesia yang menjalani kuliah selama satu semester di UUM, mengatakan sepanjang mereka berada di sini, mereka telah memperoleh banyak pengalaman yang berharga terutama sekali kawan-kawan dari negara ini yang sangat peramah dan banyak membantu, dewan kuliah yang sangat selesa dan dapat menikmati keindahan dan kehijauan alam flora dan fauna di UUM.



Malam itu merupakan malam yang bermakna bagi mereka di UUM sebelum mereka menjalani peperiksaan dan akan pulang ke negara masing-masing tidak lama lagi.

"Kami mengambil peluang yang amat bermakna pada malam ini dengan beramah mesra sesama kami dan turut bersedih kerana tidak lama lagi kami terpaksa berpisah. Kami bersyukur telah dipertemukan di UUM dan semuanya sudah merasakan seperti adik-beradik, seperti saudara sendiri.. keluarga besar di UUM" tambah Muhammad Adam Fahmil Ilmi, satu-satunya wakil pelajar dari Universitas Sebelas Maret, Indonesia dan dipersetujui oleh Mohamad Nasri Sharen dari Universiti Brunei Darussalam dan juga Siti Dinar Raya, satu-satunya wakil pelajar dari President University, Indonesia pula.

Mereka berharap untuk kembali lagi ke Malaysia dan UUM selepas ini. Siapa tahu kemungkinan suatu hari nanti, mereka akan menyambung pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi lagi di UUM.

"Selamat menjalani peperiksaan dan semoga berjaya dalam setiap apa jua yang kamu ceburi nanti..... semoga jumpa lagi..!!!" kata Encik Shahrul Annuar Hanapi, salah seorang pegawai PPA UUM CAS mengakhiri pertemuan mereka pada malam itu.

Sekian.

=====

Students Development & Alumni Office
 UUM College of Arts & Sciences
 Tel: 049285307/5507 | Faks: 049285310
 Email:cas-sadc@uum.edu.my
 Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.